

يایسن قندییقن مایدام
Yayasan Pendidikan MAIDAM



BANTUAN TAMBANG PENERBANGAN PELAJAR IPT





SYARAT-SYARAT BANTUAN TAMBANG PENERBANGAN

- ▶ Pemohon adalah rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu atau pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.
- ▶ Beragama Islam, baligh, berakal dan merdeka.
- ▶ Permohonan perlu dibuat dan dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat pengajian.
- ▶ Tahap pengajian yang akan dipertimbangkan hanya Diploma & Ijazah Sarjana Muda sahaja.
- ▶ Bagi pelajar luar negara, mestilah tidak menerima mana-mana bantuan sama ada pinjaman, elaun, geran tajaan, mahupun terlibat dengan program tajaan khas YPM atau seumpamanya dari mana-mana sumber atau badan-badan pembiaya bantuan lain.
- ▶ Bagi pelajar dalam negara, hanya yang menuntut di negeri Sabah & Sarawak serta tidak mempunyai apa-apa pembiayaan (kecuali persendirian atau pinjaman PTPTN) sahaja yang layak dipertimbangkan.
- ▶ Pemohon hanya layak dipertimbangkan bantuan sekiranya mengikuti peringkat pengajian tersebut pada kali pertama sahaja.
- ▶ Tidak melibatkan bidang pengajian yang berkaitan industri hiburan.
- ▶ Pemohon tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri.
- ▶ Permohonan tidak layak dipertimbangkan sekiranya terdapat mana-mana ibu dan bapa pemohon tidak menunaikan sepenuhnya zakat kepada MAIDAM jika bekerja di negeri Terengganu.
- ▶ Pendapatan kasar ibu dan bapa pelajar tidak melebihi **RM20,000.00** sebulan bagi pengajian dalam dan luar negara.





SENARAI SEMAK DOKUMEN

- ▶ Salinan sijil ijazah asal / sementara (Syahadah Muaqqatah).
- ▶ Salinan surat pengesahan tamat belajar.
- ▶ Surat pengesahan tajaan / pinjaman pengajian semasa
- ▶ Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa/ penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.
- ▶ Salinan sijil SPM / STPM / sijil berhenti sekolah.
- ▶ Salinan slip gaji / akuan pendapatan / penyata pencen terkini ibu bapa / penjaga.
- ▶ Salinan asal tiket kapal terbang.
- ▶ Surat pengesahan mastautin terkini bagi pemohon yang kelahiran luar negeri Terengganu dan telah bermastautin di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.
- ▶ Salinan sijil kematian / cerai (jika berkaitan).
- ▶ Slip permohonan.

Slip permohonan, surat akuan pendapatan dan surat akuan mastautin hendaklah menggunakan borang yang telah di sediakan oleh Yayasan Pendidikan MAIDAM. Dokumen tersebut perlu di cetak dan disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada Amil Zakat / Pengerusi Masjid / JPKK / Penghulu / Yang Berhormat (YB).





JANGAN LEPASKAN PELUANG



KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat secara "online" melalui laman web **Yayasan Pendidikan MAIDAM**

<http://yp.maidam.gov.my/iptonline/>

**PERMOHONAN PERLU DIBUAT DAN DIHANTAR
DALAM TEMPOH 3 BULAN DARI TARIKH TAMAT
PENGAJIAN**

**Jom Isi Segera Kepada
Yang Memenuhi Syarat
Kami!!**



Yayasan Pendidikan MAIDAM

Lot 9 & 10 Tingkat 1, Bazar MAIDAM,
Jalan Masjid Abidin,
20100 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel : 09-622 3500 / 09-622 5600



Yayasan Pendidikan MAIDAM



ypmaidam.official



Yayasan Pendidikan MAIDAM Official